

PANDUAN HIDUP DAN MATI

Kita manusia memang hidup mahukan selamat dunia dan akhirat. Sebatb itulah kita selalu berdoa memohon kepada Allah dengan membaca seperti yang tersebut didalam Al Quran yang berbunyi:-

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Yang bermaksud :-

Wahai Tuhan kami berikanlah kepada kami kebaikan dunia dan kebaikan akhirat serta jauhkanlah kami daripada azab neraka.

MAKSUD KEBAIKAN

Ialah dengan adanya badan yang sihat iaitu dengan perubatan cara sains yang memang termaklum kepada kita dan juga dengan cara doa dari Allah seperti yang tersebut yang terdapat didalam Risalah Hikmah yang dikumpul oleh Al Ustaz Haji Abdul Wahab Bin Hassan Tel. 04- 7310712 atau lain-lainnya yang mengandungi keselamatan tubuh badan manusia . Dan difahamkan termasuk erti kata kebaikan didunia ialah dengan hidupnya seseorang itu badan yang sihat, senang lenang, murah rezeki dan kaya raya. Maksud kaya raya iaitu yang terbaik dari bidang ekonomi yang boleh didapati daripada pertanian (ladang) ternakan, pertukangan, perniagaan dan lain-lain, dengan cara besar-besaran atau juga bersatu padu dengan orang-orang yang beramanah serta dengan adanya usaha yang bersungguh-sungguh . Oleh itu dengan adanya sihat badan dan kaya raya, murah rezeki maka bolehlah dikatakan seseorang itu telah mendapat "kebaikan didunia"

Dan "Kebaikan di Akhirat" pula iaitu dengan selamatnya kita, apabila kita masuk kedalam kubur sampainya di Padang Mahshar dan masuk Syurga.

CARANYA

Mestilah kita mengetahui pengetahuan Ugama Islam yang mengandungi ilmu Tauhid, Fiqah dan Tasauwuf serta beramal dengannya. Sehingga termasuklah kita sebagai orang yang Bertakwa. Iaitu melaksanakan segala yang disuruh oleh Allah dan menjauuhkan segala yang dilarang mengikut saluran Ilmu Tauhid, Fiqah dan Tasauwuf.

ILMU TAUHID

Tauhid ialah mengenal dan yakin dengan rukun Iman yang enam iaitu percaya kepada Allah, Malaikat, Rasul, Kitab Allah, Hari Qiamat dan Qada Qadar daripada Allah. Bacalah kitab-kitab Tauhid seperti Risalah Tauhid (Jawi Pekan Rabu), Tauhid "Pemuda Pemudi" tel. 04-7310712 (Rumi) atau Aqiqah Annajim (عَصِيْدَةُ اِنْسَانِيَّةٍ) (Jawi) atau lain-lai kitab mudah-mudahan kita berjaya dan selamanya

ILMU FIQAH

lalah mengetahui dan beramal dengan Rukun Islam yang lima iaitu:- Mengucap Dua Kalimat Shahadat, Sembahyang, Puasa, Zakat dan Mengerjakan Haji Jika Berkuasa. Carilah kitab yang berhubung dengan Ilmu Fiqah itu seperti kitab – Matlaulbadrain مَطْلَعُ الْبَدْرَيْنِ .
Atau lain-lain yang mengandungi Bab Ibadat, Nikah Kahwin, Mu'amalah (kerjabaat), Jinayah. Seluruhnya mestilah dipelajari dengan bersungguh-sungguh dan beramal dengannya.

ILMU TASAUWUF

Dalam ilmu Tasauwuf mengandungi seperti:-

= Maksiat Yang Batin = yang mesti dijauaskan terdapat 10 perkara iaitu:-

Gemar banyak makan, Banyak bercakap yang tidak berfaedah, Marah, Hasad Dengki, Bakhil Kedekut, Kasihkan Kemegahan, Kasihkan Dunia, Takabbur (, Besar Diri), Riak (Menunjuk-nunjuk), Ujub (Hairan Diri). Dalam Ilmu Tasauwuf juga terdapat "Ta'at Yang Batin" yang mesti diamalkan yang terdapat 10 perkara juga iaitu:-

Selalu bertaubat, bertaqwa, zahid=pentingkan akhirat, banyak-banyak sabar (تَوَكَّلْ)

Shukur, ikhlas kerana Allah, tawakal=berserah kepada Allah – kasihkan Allah, ridha dengan Qadha Allah, ingatkan mati dan berbagai-bagai lagi perkara yang mengandungi didalam ilmu Tasauwuf. Bacalah kitab seperti هِدَايَةُ السَّالِكِينَ (Hidayatussalikin)

atau lain-lainnya. Oleh itu dengan adanya ilmu perubatan yang menjadikan badan kita sihat dan kebaikan ekonomi serta mempelajari dan beramal dengan ilmu Agama Islam iaitu:-

Tauhid, Fiqah dan Tasauwuf maka jadilah kita orang yang mendapat kebaikan didunia dan akhirat yang sudah menepati dengan Firman Allah dalam Al-Quran yang Berbunyi:-

رَبَّنَا آتِنَا فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَفِي الْأُولَى حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

Difahamkan mengikut ayat ini Allah tidak melarang kita dari mencari kekayaan tetapi hendaklah dijadikan semuanya itu sebagai ibadat – Mencari rezeki kerana Allah dan membuat ibadat kerana Allah. Semuanya dengan ikhlas kepada Allah baharulah kita boleh mendapat pahala yang besar dari Allah dan memasuki Syurga

TAMBAHAN

1- Disamping kita berusaha mencari rezeki amallah doa untuk menjadi kaya iaitu dibaca tiap-tiap lepas sembahyang Maghrib 7 kali akan kalimah:-

يَا لَطِيفُ يَا حَفِيفُ يَا حَكِيمُ يَا وَكِيلُ يَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ .

2- Atau dibaca pada hari Jumaat 70 kali iaitu:-

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Maksudnya:- Ya Allah sempurnakanlah aku dengan yang halal engkau daripada yang haram. Dan kayakanlah aku dengan kurniaan daripada engkau.

3- Atau diamal kedua-duanya sekali

Yang Benar,

a. ulahab
18-5-2008